



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[THE POSITION OF NON MUSLIM CANDIDATES AND WOMEN IN THE  
ELECTION SYSTEM IN MALAYSIA: A STUDY OF THE COMPARISON  
BETWEEN LEGISLATION AND FIQH SIYASAH]**

**KEDUDUKAN CALON NON MUSLIM DAN WANITA DALAM SISTEM PILIHAN  
RAYA DI MALAYSIA: KAJIAN TERHADAP PERBANDINGAN ANTARA  
PERUNDANGAN DAN FIQH SIYASAH**

MOHD RIDZUAN MOHAMAD<sup>1</sup>

BASRI IBRAHIM<sup>2\*</sup>

MOHD SUFIAN MOKTAR<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, (MAIDAM)  
20519, Kuala Terengganu, Terengganu

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.

\*Corresponding author: [basri@unisza.edu.my](mailto:basri@unisza.edu.my)

Received Date: 9 Mei 2018 • Accepted Date: 9 Sept 2018

**Abstract**

*Election is an important mechanism for one country to choose leaders in a safe and harmonious way. The position of non-Muslim candidates and women is enshrined in the Federal Constitution. The involvement of non-Muslim candidates is generally prohibited from the perspective of Fiqh Siyasah based on the Qur'an (5: 51); and female candidates based on the Qur'an (4:34). The objective of this study was to clarify the position of non-Muslim candidates and women in Fiqh Siyasah which needed to be reviewed from the perspective of the legislative or amendment of the deed according to Islamic values. This study was qualitative that was a library research which involved studies of Turath book and information from field interviews. This study found that the legal status was not in line with the policy of Fiqh Siyāsah under the Federal Constitution Article 47 (b) and the Election Act 1958 (Act 19 Section 13 (1). Therefore, it was a necessary for the Federal Constitution Article 40 (2) 'appointment of a Prime Minister' to be amended to 'appointment of a Muslim Prime Minister' to be consistent with the Federal Constitution of Article 3 which has constituted that Islam is the religion of the federation.*

**Keywords:** *Non-Muslim Candidate, Woman Candidate, Fiqh Siyasah, Legislation and Election.*

**Abstrak**

Pilihan raya merupakan satu mekanisme penting dalam sesebuah negara bagi memilih pemimpin secara aman dan harmoni. Kedudukan calon non Muslim dan wanita sememangnya termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Penglibatan calon non Muslim secara umumnya adalah dilarang dari sudut fiqh siyasah berdasarkan al-Qur'an (5: 51) dan calon wanita berdasarkan al-Quran (4:34). Objektif kajian ini bagi menjelaskan kedudukan larangan calon non Muslim dan

wanita dalam fiqh siyasah yang perlu diteliti semula dari sudut perundangan atau pindaan akta menurut nilai-nilai Islam. Kajian ini bersifat kualitatif iaitu penelitian perpustakaan yang melibatkan kajian kitab turath serta maklumat temu bual di lapangan. Dapatan kajian ini menjelaskan kedudukan perundangan tidak selari dengan dasar fiqh siyāsah di bawah Perlembagaan Persekutuan Perkara 47 (b) dan Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19 Seksyen 13 (1). Justeru, perlu kepada pindaan Perlembagaan Persekutuan Perkara 40 (2) (a) „melantik seorang Perdana Menteri“ dipinda kepada „melantik seorang Perdana Menteri yang beragama Islam“ agar ianya selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 3 yang memperuntukkan bahawa agama Islam adalah agama bagi persekutuan.

**Kata kunci:** Calon Non Muslim, Calon Wanita, Fiqh Siyasah, Perundangan dan Pilihan Raya.

**Cite as:** Mohd Ridzuan Mohamad. 2018. Kedudukan Calon Non Muslim dan Wanita dalam Sistem Pilihan Raya di Malaysia: Kajian Terhadap Perbandingan antara Perundangan dan Fiqh Siyasah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 18(1): 14-22.

## PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan prinsip demokrasi. Pada dasarnya mana-mana negara yang mengamalkan sistem demokrasi mempunyai beberapa elemen seperti, pilihan raya, kepelbagaian parti politik, hak asasi manusia, kebebasan hak bersuara dan sebagainya (Afzan Ayub 2001: 2). Walau bagaimanapun demokrasi yang diamalkan bagi setiap negara mempunyai ciri-ciri yang berbeza termasuk sistem pilihan raya. Terdapat dua sistem pilihan raya yang masih diamalkan oleh kebanyakan negara pada masa kini iaitu sistem district dan proportional. Di Malaysia sistem pilihan raya yang masih diamalkan adalah sistem district (Institut Tadbiran Awam Negara 2006: 62).

Pilihan raya yang mengamalkan sistem district iaitu satu wilayah atau negeri yang kecil akan diwakili oleh calon ‘single-member constituency’ dan calon tersebut akan dipilih melalui kaedah pemilihan suara terbanyak atau disebut sebagai suara majoriti. Sistem pilihan raya ini merupakan sistem pilihan raya yang tertua di dunia sejak ia diperkenalkan. Sistem ini juga berasaskan kesatuan masyarakat mengikut etnik geografi yang berskala kecil. Berdasarkan sistem ini wilayah akan dipecahkan kepada beberapa bahagian disebabkan kurangnya hak kebebasan bersuara sebagaimana yang terjadi di negara-negara yang ramai penduduk seperti British, Amerika dan India (Maurice Ducerger 1954: 263).

Elemen yang wujud dalam sistem pilihan raya di Malaysia seperti kedudukan calon iaitu calon yang bertanding boleh mewakili sesuatu parti atau bertanding sebagai calon bebas. Seseorang layak menjadi calon dalam mana-mana pilihan raya jika memenuhi syarat iaitu warganegara Malaysia, bermastautin di negara ini, berumur tidak kurang daripada 21 tahun pada hari penamaan calon dan tinggal di negeri di mana dia akan bertanding. Sementara calon yang hilang kelayakan adalah calon yang diisytiharkan tidak siuman, seorang yang bankrap, memegang jawatan berkepentingan ‘office of profit’, gagal mengemukakan laporan perbelanjaan pilihan raya, telah didapati bersalah oleh mahkamah di Malaysia (dijatuhi hukuman penjara untuk tempoh tidak kurang dari 1 tahun atau denda tidak kurang dari RM2000 serta belum mendapat pengampunan dan telah memperoleh kewarganegaraan asing (Tun Salleh

Abbas 2006: 174).

Melihat dari sudut sejarah calon merupakan salah satu mekanisme daripada Barat yang muncul dalam sistem demokrasi pada abad ke 18 (Miriam Budiardjo 2008: 30). Oleh kerana kedudukan calon dalam pilihan raya bukan bersumberkan ajaran Islam, perbincangan dari sudut fiqh siyāsah merupakan satu perkara penting dilakukan. Jika persoalan-persoalan agama yang mempunyai kaitan dengan mekanisme Barat, sewajarnya para sarjana Islam perlu bertanggungjawab sepenuhnya meneliti kedudukan hukum tersebut, sama ada dibenarkan atau tidak oleh syarak. Justeru itu, salah satu kaedah bagi menyelesaikan masalah ini ialah melalui kajian fiqh siyāsah.

Para ulama silam mengemukakan siyasah melalui elemen syarak seperti al-Qur'an dan hadis (Ibn Qayyim 1953: 13). Manakala dari sisi lain pula elemen siyāsah melibatkan kebajikan umum atau masalah yang perlu diterapkan dalam sesebuah negara (Abdul Wahab Khalaf 1977: 15). Sehubungan itu, jika calon non Muslim dan calon wanita di Malaysia merupakan suatu keperluan kepada rakyat untuk memilih dan menjadikan mereka sebagai pemimpin secara aman, tetapi pelantikan mereka menimbulkan persoalan dari sudut adakah ia dibenarkan menurut kaca mata fiqh siyāsah.?

Terdapat beberapa permasalahan calon dalam sistem pilihan raya di Malaysia iaitu perkara-perkara yang termaktub dalam perundangan masih tidak selari dengan dasar-dasar fiqh siyasah seperti Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19) Seksyen 13 (1) dan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5) yang mana membenarkan non Muslim melibatkan sebagai calon. Manakala Perkara 47 dan 48 Perlembagaan Persekutuan juga tidak menyentuh larangan non Muslim sebagai calon.

Bagi calon wanita pula telah diperuntukkan dalam Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19) Seksyen 2. Sehubungan itu melihat kepada dasar perundangan ini, sememangnya ia bertentangan dengan dasar fiqh siyāsah. Justeru itu, perkara ini perlu diteliti kembali selaras dengan dasar Perlembagaan Persekutuan Perkara 3 (1) bahawa agama rasmi bagi persekutuan adalah agama Islam.

Objektif penulisan ini menjelaskan kedudukan calon non Muslim dan wanita di Malaysia dari sudut fiqh siyasah. Perkara ini adalah penting untuk diketahui bagi lapisan masyarakat kerana pada umumnya setiap masyarakat yang berumur 20 tahun ke atas adalah berhak menjadi seorang pengundi. Justeru para pengundi perlu mengetahui kedudukan calon non Muslim dan wanita dari sudut kaca mata Islam sama ada ia dibenarkan oleh syariat atau sebaliknya.

Terdapat beberapa penulisan mengenai fiqh siyasah seperti Yusuf al-Qardawi dalam kitbanya *Fiqh al-Dawlah fi al-Islam* (2001), al-Mawardi, dalam kitabnya *al-Ahkam al-Sultaniyyah* (2006) dan beberapa buku yang lain namun penjelasan mengenai calon bukan Islam dan wanita di Malaysia dari sudut fiqh siyāsah masih belum ditemui. Penulisan ini berbentuk kualitatif iaitu melibatkan kajian kitab fiqh siyāsah serta proses temu bual dari beberapa jabatan iaitu Jabatan Mufti Terengganu, Jabatan kehakiman Syariah Terengganu dan Suruhanjaya Pilihan Raya Terengganu.

## CALON NON MUSLIM

Jika diperhatikan status agama bagi calon dari sudut fiqh siyasah dalam konteks Malaysia sebagaimana menurut Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5) Seksyen 3 dengan tertakluk kepada Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19) Seksyen 13 (1) ia menjelaskan sebagaimana berikut: „Calon bagi sesuatu pilihan raya yang mendapat bilangan undi sah yang terbesar daripada pemilih bahagian pilihan raya itu hendaklah disifatkan sebagai ahli yang dipilih bagi bahagian pilihan raya itu“

Peruntukan di atas menjelaskan kedudukan status agama bagi calon tidak disyaratkan sebagai seorang Muslim malah non Muslim boleh menjadi calon dalam sistem pilihan raya. Dasar pelantikan non Muslim sebagai ketua kerajaan di negara Islam berdasarkan fiqh siyasah melarang sama sekali kecuali segelintir sahaja yang membenarkan non Muslim menjadi pemimpin dalam sesebuah Negara Islam. Antara aliran yang melarang termasuk tokoh-tokoh Islam terdahulu dan juga kontemporari seperti al-Jassas, al-Alusi, Ibn `Arabi, al-Harasi, Ibn Kathir, al-Sabuni, al-Zamakhshari, `Ali al-Sayyis, Tabataba`i, al-Qurtubi, Wahbah al-Zuhaili, al-Shaukani, al-Tabari, Sayyid Qutub, al-Mawardi, al-Juwayni, `Abdul Wahab Khallaf, Muhammad Diya al-Din al-Rayis, Hasan al-Banna, Hasan Hudaibi, al-Maududi, Taqiyuddin al-Nabhani dan ramai lagi (Mujar Ibn Syraif 2006: 56).

Dasar-dasar pengharaman tersebut terdapat dalam sebelas ayat al-Qur`an sebagaimana yang dijelaskan oleh para sarjana Islam kontemporari dan sebelas ayat tersebut terdapat pula dua larangan (pemilihan sebagai pemimpin) iaitu bersifat khusus dan bersifat umum. Larangan bersifat khusus iaitu para Muslim dilarang memilih para Yahudi dan Nasrani, sementara larangan bersifat umum iaitu larangan para Muslim memilih semua non Muslim (Mujar Ibnu Syarif 2006: 60). Antaranya firman Allah s.w.t yang bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani sebagai teman setia (mu), mereka satu sama lain saling melindungi; barang sesiapa di antara kamu yang menjadikan mereka teman setia, maka sesungguhnya dia termasuk golongan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberikan petunjuk kepada orang yang zalim”. (Al-Qur`an 5:51)

Menurut al-Qurtubi sebagaimana diriwayatkan daripada al-Suddi, ayat di atas pada asalnya diturunkan kepada umat Islam yang berada dalam keadaan ketakutan pada hari peperangan Uhud (Qurtubi 1964: 216). Manakala menurut pandangan Ibn Kathir pula umat Islam dilarang membuat hubungan kekuasaan (diplomatik) *مودة* dengan kaum dengan kaum Yahudi dan Nasrani (Ibn Kathir 1997: 120). Rashid Rida berpendapat ayat ini diturunkan ketika Rasulullah s.a.w. menetap di Madinah dan membuat hubungan diplomatik dengan golongan musyrik terutama sekali golongan Yahudi. (Rashid bin Ali Rida 1990: 350). Sementara menurut pendapat al-Khuluwi perkataan *لا تتخذوا اليهود والنصارى أولياء* iaitu ditafsirkan sebagai “jangan menaruh kasih sayang terhadap mereka terutamanya ketua atau pimpinan atasan dalam kalangan mereka (Yahudi dan Nasrani)”, kerana golongan tersebut akan bersatu untuk memudaratkan umat Islam (al-Khuluwi t.th: 402). Jika diperhatikan pula pandangan sarjana Islam kontemporari seperti Wahbah al-Zuhaili ayat di atas melarang sama sekali umat Islam menjadikan Yahudi dan Nasrani sebagai pembantu (al-Zuhaili 2001: 469). Justeru itu, ayat tersebut menunjukkan larangan kepada orang Islam terlibat dalam pelantikan non Muslim di mana-mana tempat dalam Negara Islam termasuk di Malaysia.


Berkenaan para calon non Muslim di Malaysia, mereka mempunyai peluang untuk menjadi ketua kerajaan di Malaysia dan perkara ini bertentangan dengan dasar *fiqh siyāsah*. Melihat kepada perundangan Perkara 40 (2) (a) Perlembagaan Persekutuan: „Yang dipertuan Agong boleh bertindak menurut budi bicaranya pada melaksanakan tugas-tugas yang berikut, iaitu: (a) melantik seorang Perdana Menteri“

Ia menjelaskan sejak kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957 sehingga sekarang, Perdana Menteri masih dalam kalangan daripada bangsa Melayu dan Islam walaupun dalam perlembagaan tersebut tidak dinyatakan keperluan Perdana Menteri mesti seorang yang beragama Islam. Kedudukan calon tidak dinyatakan status beragama ‘Islam’ dalam perundangan sebagaimana dinyatakan dalam Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19) Seksyen 13 (1): „ianya berhak menjadi ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negeri jika menang dalam pilihan raya“

Melihat kepada aspek yang lain pula syarat kelayakan bagi para calon hanyalah menyentuh status umur iaitu Perkara 47 (b) Perlembagaan Persekutuan: „Tiap-tiap warganegara yang bermastautin di Persekutuan adalah layak menjadi;- (b) ahli Dewan Rakyat, jika ia berumur tidak kurang daripada dua puluh satu tahun,

Sekiranya non Muslim tidak bertindak sebagai ketua kerajaan tetapi berstatus wakil rakyat, adakah perkara ini dilarang oleh syariah.? Menurut al-Jassas, non Muslim tidak boleh sedikit pun terlibat dalam segala urusan kekuasaan pemerintahan terhadap umat Islam (al-Jassas t.th: 401). Pendapat ini selari dengan pendapat al-Juwayni dan Ibn Jama`ah (Mujar Ibn Syarif 2006: 130).

Menurut al-Mawardi, non Muslim dibenarkan terlibat dalam urusan politik setakat „wazir tanfiz“<sup>1</sup> sahaja (al-Mawardi 2006: 56). „Wazir tanfiz“ bermaksud pembantu imamah bagi melaksanakan urusan sesebuah negara. Namun perkataan wazir tanfiz dalam konteks pemerintahan di Malaysia termasuk para jemaah menteri selaras Perlembagaan Pesekutuan Perkara 43 2. Jika diperhatikan kedudukan wakil rakyat non Muslim di Malaysia dengan „wazir tanfiz“ dalam sistem khilafah, ia mempunyai beberapa persamaan. Antaranya non Muslim boleh terlibat dalam aspek pemerintahan tetapi tidak boleh menjadi ketua kerajaan dalam sistem demokrasi dan imamah dalam sistem khilafah. Proses pelantikan ketua kerajaan dalam sistem demokrasi mempunyai tapisan sebagaimana kedudukan rajah di bawah;



### Rajah 1.1: Kedudukan non Muslim di Malaysia dalam konteks fiqh siyasah

Berdasarkan rajah 1.1 di atas, kedudukan non Muslim dalam konteks pemerintahan di Malaysia hanya pada peringkat lapisan keempat, namun mereka akan melangkah ke lapisan kedua iaitu Menteri Kabinet dan tidak akan mencapai lapisan pertama iaitu Perdana Menteri. Walau bagaimanapun untuk menjamin Perdana Menteri seorang beragama Islam, perlu diletakkan syarat tersebut di dalam Perlembagaan Persekutuan. Jika dilihat kedudukan perundangan sedia ada iaitu Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan Senarai 2 Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, menjelaskan: „Agama bagi Persekutuan“ iaitu Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan“.

Berkaitan calon non Muslim di Malaysia, Mufti Terengganu tidak menyokong secara mutlak sama ada pada lapisan pertama, kedua, ketiga atau keempat sebagaimana rajah 1. Beliau juga menyokong perlunya ada cadangan perubahan dalam Perkara 47 (b) Perlembagaan Persekutuan dengan disesuaikan mengikut perundangan sedia ada (Zulkifli Muda 2016). Manakala menurut Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Terengganu calon non Muslim tidak menggambarkan ke arah negara Islam sebagai agama persekutuan di Malaysia. Susulan itu beliau juga menyokong agar Perdana Menteri mesti dalam kalangan yang beragama Islam supaya termaktub dalam perlembagaan selaras dengan pentadbiran negeri iaitu Menteri Besar bagi negeri Terengganu adalah beragama Islam sebagaimana termaktub di dalam ‘Undang-Undang Tubuh Bagi Negeri Terengganu’ (Wan Abd Malik 2016).

Berdasarkan hasil temu bual yang dijalankan oleh pengkaji, setelah dianalisis mengikut perundangan sedia ada, dicadangkan perlu dilakukan pindaan pada Perkara 40 (2) (a) Perlembagaan Persekutuan, sebagaimana lapisan pertama pada rajah 1. Manakala lapisan kedua, ketiga dan keempat didapati berlawanan dengan peruntukan yang lain iaitu Perkara 47 (b) Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19) Seksyen 13 (1), perkara ini adalah sukar untuk dilaksanakan. Suruhanjaya Pilihan Raya bersetuju dengan pindaan ini kerana tidak bertentangan dasar Perlembagaan Persekutuan, sementara dari sudut perlaksanaan ‘eksekutif’, ia tidak memberi impak yang besar terhadap dasar pengurusan (Mohd Yasir 2016).

### CALON WANITA

Terdapat elemen-elemen tertentu dalam sistem pilihan raya di Malaysia yang bertentangan dengan fiqh siyasah berkaitan wanita yang terlibat sebagai calon dalam pilhan raya. Status hak gender juga masih tidak disentuh dalam perundangan berkaitan pilihan raya dan yang menyentuh hanya status umur (Perkara 47 Perlembagaan Persekutuan), sempurna akal (Perkara 48 (1) (a) Perlembagaan Persekutuan), bukan seorang muflis (Perkara 48(1)(b) Perlembagaan Persekutuan) dan tidak memegang jawatan yang berkeuntungan (Perkara 48(1)(c) Perlembagaan Persekutuan). Sementara dalam Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19) juga tidak menyentuh hak gender dalam pencalonan.

Dalam fiqh siyasah pelantikan pemimpin atau ketua kerajaan mestilah seorang lelaki berdasarkan nas al-Qur’an yang bermaksud: „Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi wanita“. (Al-Nisa“ 4: 34)

Maksudnya: „Tidak akan beruntung satu kaum jika mereka melantik para wanita menjadi pemimpin“. (Bukhari 1987: 1610)

Menurut Yusuf al-Qardawi, larangan tersebut bersifat umum tetapi terdapat perkara-perkara yang dibenarkan oleh syarak seperti urusan fatwa, saksi, ijtihad, pengajaran, pentadbiran dan sebagainya. Beliau menukulkan pandangan Ibn Qayyim bahawa hadis tersebut bukan bersifat larangan secara keseluruhan terhadap semua aktiviti yang dilakukan oleh wanita. Wanita muslimah berhak terlibat dalam urusan politik dan dibenarkan menjadi calon dalam pilihan raya asalkan mematuhi peraturan syariah seperti menutup aurat dan sebagainya (Yusuf al-Qardawi 2001: 275).

Hasil temu bual dengan Mufti Terengganu berkaitan calon wanita di Malaysia, beliau bersikap terbuka jika para wanita menjadi ketua kerajaan, kerana kedudukan ketua kerajaan iaitu Perdana Menteri tidak termasuk larangan dalam fiqh siyasah dari sudut Imamah iaitu pemerintahan sistem khilafah terdahulu. Dalam konteks sekarang tiada lagi sistem khilafah dan dibenarkan para wanita menjadi pemimpin sama ada Perdana Menteri atau Presiden (Zulkifli Muda 2016). Manakala menurut Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Terengganu pelantikan calon dalam kalangan wanita dibolehkan kerana beliau membandingkan pelantikan para hakim wanita syariah di Mahkamah Syariah Terengganu adalah dibenarkan (Wan Abd Malik 2016).

## PENUTUP

Berdasarkan hasil penelitian terhadap kitab-kitab turath serta hasil temu bual dengan pegawai di beberapa seperti Jabatan Mufti Terengganu, Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu Dan Pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya Terengganu kesemuanya bersetuju agar dibuat pindaan pada perkara 40 (2) (a) Perkara Perlembagaan Persekutuan iaitu ‘melantik seorang Perdana Menteri’ ditambah dengan perkataan ‘melantik seorang Perdana Menteri yang beragama Islam’. Perkara ini telah dijelaskan dalam rajah 1 iaitu pada lapisan pertama. Manakala menggubal peruntukkan perundangan supaya non Muslim tidak boleh terlibat dalam pilihan raya seperti pengundi, adalah berlawanan dengan peruntukan yang lain iaitu Perkara 47 (b) Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19) Seksyen 13 (1) dan perkara ini adalah sukar untuk dilaksanakan. Suruhanjaya Pilihan Raya tidak bersetuju dengan pindaan tersebut kerana sukar dilaksanakan dari sudut pengurusan kerana rakyat Malaysia mempunyai pelbagai etnik, bangsa dan agama (Mohd Yasir, 2016). Kini ketua kerajaan atau Perdana Menteri Malaysia masih lagi dipimpin oleh para Muslim sejak kemerdekaan. Melihat kepada dasar pentadbiran Islam di Malaysia seperti kedudukan JAKIM, mahkamah syariah, majlis agama Islam, pusat kewangan Islam dan sebagainya ianya masih terkawal dan menepati dasar perlembagaan.

Sementara calon wanita pula, hakikatnya kedudukan mereka sama dengan calon non Muslim kerana bukan berstatus ketua kerajaan sebagaimana Perdana Menteri. Di Malaysia. Perdana Menteri masih dilantik dalam kalangan lelaki walaupun para calon wanita menang dalam pilihan raya. Namun demikian, kedudukan wanita hanya setakat di lapisan kedua, ketiga dan keempat. Justeru tidak perlu kepada cadangan pindaan perundangan sedia ada. Cadangan ini juga disokong oleh Suruhanjaya Pilihan Raya kerana penggubalan sesebuah Akta Pilihan Raya sememangnya terdapat sedikit kesukaran (Mohd Yasir 2016). Walau bagaimanapun

perkara ini bukan dikategorikan sebagai perkara yang dituntut dalam agama kerana ia termasuk perkara ijtihadi.

## RUJUKAN

- Abu Bakar Ahmad Ibn `Ali al-Razi al-Jassas. (t.th.). *al-Ahkam al-Qur`an*, jld.2. Kaherah: Syirk Maktabah wa al-Matba`ah.
- Abdul Wahab Khallaf. (1977). *al-Siyasah al-Syar`iyyah aw al-Nizam al-Dawlah al-Islamiyyah fi al-Syu`un al-Dusturiyyah wa Kharijiyyah wa Maliyyah*, ed.1. al-Kaherah: Dar al-Ansar.
- Afzan Ayub. (2001). *Demokrasi dan Pilihan Raya*, ed.1. Selangor: Pustaka Minda Aktif.
- al-Bukhari, Abu Abdullah. (1987). *Sahih Bukhari Jami` Sahih Mukhtasar* „Sahih Bukhari“, tahqiq oleh: Mustafa Dib, Beirut: Dar Ibn Kathir, ed.3. jld.6.
- al-Khuluwi. (t.th). *Ruhul Bayan*, ed.1. jld.2. Beirut: Dar Fikr, t.th, jld.2.
- al-Mawardi, Abi Hassan Ali Bin Muhammad Bin Habib al-Basri. 2006. *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, tahqiq oleh Ahmad Jad, ed.1. Kaherah: Dar Hadis.
- al-Maqadisi, Kamaluddin Muhammad Ibn Muhammad. (t.th). *al-Musamirah bi Sharhi al-Musharah*, Kaherah: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- al-Qurtubi, Abu `Abdullah Mohamad bin Ahmad. (1964). *Jami` Ahkam al-Qur`an Tafsir Qurtubi*, ed.2. Kaherah: Dar Kitab.
- al-Zuhaili, Wahbah bin Mustafa. (2001). *Tafsir al-Wasit li Zuhaili*, Damshik: ed.3. jld.1. Darul Fikr.
- Ibn Kathir, Ismail Bin Umar. (1997). *Tafsir Qur`an `Azim* „Ibn Kathir“, ed.1. jld.4. Beirut: Dar Kitab Ilmaniyyat.
- Ibn Qayyim Al-Jawzi. (1953). *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Syar`iyyah* ed.1. Riyad: Dar al-Watan.
- Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia. (2006). *Pentadbiran dan Pengurusan Awam Malaysia*, (Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Malaysia.
- Khamami Zada. (2008). *Siyasah Syar`iyyah Doktrin dan Pemikiran Politik Islam*, ed.1. Jakarta: Penerbitan Erlangga.
- Lembaga Penyelidik Undang-Undang, Perlembagaan Persekutuan. (2013). ed.1. Selangor: Internasional Law Book Service.
- Malayan Law Journal Sdn Bhd & Akta Penyemakan Undang-Undang 1968, Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19), (2006). ed. 1. Selangor: Percetakan Nasional Bhd.
- \_\_\_\_\_ (2006). *Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5)*, ed.1. Selangor
- Miriam Budiardjo. (2008). *Dasar-dasar Ilmu Politik*, ed.30. Jakarta: Pustaka PT Gramedia.
- Mohammad Rashid bin `Ali Rida. (1990). *Tafsir Al-Manar*, ed. 12, jld.5. Mansurah: Haitul Kutub.
- Mohd Yasir Khan Bin Abd Malik, Suruhanjaya Pilihan Raya ‘Bahagian Operasi dan Persempadanan Pilihan Raya (2016, Januari 16) *Pilihan Raya Dalam Sistem Pilihan Raya Malaysia Menurut Fiqh Siyasah* (Ridzuan Mohamad, Interviewer).
- Mujar Ibn Syarif. (2006). *Presiden Non Muslim Di Negara Muslim*, ed.2. Jakarta: PT Pustaka Sinar Harapan.
- Sahibus Samahah Dato’ Dr Zulkifli Bin Muda, Mufti Kerajaan Negeri Terengganu (2016, Januari 5) *Pilihan Raya Dalam Sistem Pilihan Raya Malaysia Menurut Fiqh Siyāsah*

- (Ridzuan Mohamad, Interviewer).
- Tun Salleh Abbas. (2006). *Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia*, ed.3. Ampan Hulu Klang Selangor Darul Ehsan: Dawanan Sdn Bhd.
- Wan Abd Malik bin Wan Sidik, Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Terengganu (2016, Januari 17) Pilihan Raya Dalam Sistem Pilihan Raya Malaysia Menurut Fiqh Siyāsah (Ridzuan Mohamad, Interviewer).
- Yusuf al-Qardawi. (2001). *Fiqh al-Dawlah fi al-Islam*, di terjemah oleh: Kathur Suhardi, Editor: Abu Ahmad, Malaysia, ed.1. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.